

29 NOV 1996

PEMBANTU PEJABAT PERDANA MENTERI MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Alias Yusoff, 43, pembantu pejabat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meninggal dunia di Universiti Hospital (UH) malam tadi akibat diserang lelah.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri dan empat orang anaknya.

Jenazahnya akan dikebumikan di kampungnya di Batu Pahat, Johor.

Allahyarham memulakan tugas sebagai pembantu am rendah sejak 23 Mac 1972 dan telah berkhidmat dengan bekas Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Dr Mahathir mengunjungi keluarga Allahyarham di rumahnya di Jalan Tun Sambantan, di sini pagi tadi sebelum menghadiri perasmian Pusat Sains Negara (PSN). -- BERNAMA

WE FAZ